

THE IMPLEMENTATION AND EFFECTIVENESS OF QURANIC LEARNING METHODOLOGY AMONG THE FELDA COMMUNITY BUKIT GOH KUANTAN PAHANG

PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN KAEDAH PENGAJIAN AL-QURAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT FELDA BUKIT GOH KUANTAN PAHANG

Haizuran Mohd Jani

Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstract

This study aims to review the implementation and effectiveness of Quranic learning methodology among the FELDA community Bukit Goh, Kuantan Pahang. This study was conducted in eight classes of Quranic learning available in the mosque and surrounding homes FELDA Bukit Goh. The objective is to study and research of teaching methods used by trainers. In addition, it aims to study the form of Quranic learning class travelled by FELDA Bukit Goh community and beyond, to identify the extent to which this group can capture al-Quran after attending a Quranic learning class. This study used the method of field study and library. To reinforce the data obtained, survey methods, interviews and observations were also used. The data analyzed through the Bulk Statistics System Program in Social Science (Statistical Package for Social Science/SPSS) Version 17.0. Descriptive statistics such as frequencies, percentages and graphs were carried out in this study, followed by r and Spearman correlation analysis. The results showed that there was a significant relationship between the teaching methods used by trainers, the form of learning experienced by participants and the level of the Quran by the study after they had attended Quranic learning class. Results of questionnaires and tests the effectiveness of a teaching method that effectively followed by the implementation of Quranic learning class the students are able to systematically skilled in the art of the Quran. The problems can be overcome, and this is not a negative impact on teaching and learning in the classroom. These findings need to be taken care of by the relevant parties so that this class can walk better, more appealing to the community and able to produce good FELDA perfect aligned with al-Quran and al-Hadith.

Keyword: Implementation, effectiveness, Quranic learning methodology, FELDA Community, FELDA Bukit Goh

Perkembangan Artikel

Diterima: 15 Februari 2021

Disemak: 30 Oktober 2021

Diterbit

Penulis Utama:

Haizuran Mohd Jani

Jabatan Quran dan Sunnah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

E-mel: haizuran@unipsas.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji pelaksanaan dan keberkesanan kaedah pengajian al-Quran dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh, Kuantan Pahang. Kajian ini dijalankan di lapan buah kelas pengajian al-Quran yang terdapat di masjid, surau dan rumah sekitar FELDA Bukit Goh. Objektifnya ialah untuk mengkaji dan menyelidiki bentuk kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar. Selain itu, ianya bertujuan untuk mengkaji bentuk pelaksanaan kelas pengajian al-Quran yang dilalui oleh masyarakat FELDA Bukit Goh dan seterusnya, mengenal pasti sejauh mana golongan ini boleh menguasai al-Quran selepas

menghadiri kelas pengajian al-Quran. Kajian ini telah menggunakan metode kajian lapangan dan perpustakaan. Bagi mengukuhkan lagi data yang diperolehi, metode tinjauan, temubual dan pemerhatian juga turut digunakan. Data-data soal selidik dianalisis melalui Program Sistem Statistik Pukal Sains Sosial (Statistical Package For Social Science/SPSS) Versi 17.0. Analisis statistik diskriptif seperti frekuensi, peratusan dan graf telah dijalankan dalam kajian ini, diikuti analisis korelasi Spearman r. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar, bentuk pelaksanaan pengajian yang dilalui oleh peserta dan tahap penguasaan al-Quran oleh golongan kajian selepas mereka menghadiri kelas pengajian al-Quran. Hasil soal selidik dan ujian keberkesanan mendapati kaedah pengajaran yang berkesan diikuti pelaksanaan kelas pengajian al-Quran yang sistematis mampu menghasilkan pelajar yang mahir dalam ilmu al-Quran. Permasalahan yang timbul boleh diatasi dan ini tidak memberi kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan agar kelas ini dapat berjalan dengan baik, lebih menarik minat masyarakat FELDA serta mampu melahirkan insan yang sempurna selari dengan kehendak al-Quran dan al-Hadith.

Kata Kunci: Pelaksanaan, Keberkesanan, Kaedah Pengajian Al-Quran, Masyarakat FELDA, FELDA Bukit Goh

PENGENALAN

Al-Quran al-Karim diturunkan dengan bertajwid, maka setiap pembaca al-Quran wajib membaca al-Quran dengan bertajwid. Malaikat Jibril (a.s) menyampaikan kepada Rasulullah (s.a.w) dengan bertajwid. Demikian juga, Rasulullah (s.a.w) menyampaikan kepada sahabat-sahabatnya dengan bertajwid. Dalil-dalil dari al-Quran yang menunjukkan wajibnya membaca al-Quran dengan bertajwid ialah untuk memelihara daripada berlaku kesilapan seputrimana firman Allah (s.w.t):

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلْ مُؤْمِنْهُ اَنْ تَرْتِبِّلْ ۝

Terjemahan: *Dan bacalah al-Quran dengan tartil.*

Matlamat mempelajari ilmu tajwid adalah untuk menghalusi bacaan al-Quran supaya dapat menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul dan fasih sehingga seseorang itu dapat membaca al-Quran dengan cara atau gaya yang dibaca oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Oleh yang demikian, pertimbangan yang teliti mestilah dijaga supaya tidak terlebih atau terkurang. Manakala faedah mempelajari ilmu tajwid ialah untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan serta mendapat rahmat dan keredaan Allah (s.w.t) di dunia dan akhirat.¹

SEJARAH PENGAJIAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Pengajian al-Quran merupakan pelajaran dan pendidikan Islam yang julung kali diperkenalkan di Nusantara khususnya di Tanah Melayu. Sebagai bukti, jelas kelihatan pada zaman Kerajaan Melayu Melaka (1400-1511 M) mengaji al-Quran merupakan pelajaran dasar kepada semua

¹ Abu Mardhiyah, *Tajwid al-Quran Qira'at 'Asim-Riwayat Hafs-Toriq al-Syatibiy* (Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise, 2007), 75.

lapisan masyarakat Islam pada zaman tersebut.² Berbagai-bagai pendekatan telah dilakukan oleh ulama-ulama dan mubaligh Islam untuk membantu penduduk tempatan mempelajari al-Quran. Bagi memudahkan mereka menyebut dan membunyikan kalimah-kalimah serta huruf-huruf Arab, para mubaligh Islam ini telah memperkenalkan ‘Huruf Jawi’³. Dengan wujudnya huruf berkenaan lebih memudahkan orang Melayu membunyikan dan menyebut kalimah-kalimah Arab ketika membaca al-Quran.⁴ Kegiatan pengajian al-Quran pada zaman itu dilihat lebih tertumpu kepada pengajian yang dijalankan di rumah. Terdapat orang perseorangan yang berkemampuan menjadikan rumah mereka sebagai tempat belajar al-Quran dan asas-asas agama seperti tulis menulis. Abdullah Ishak memetik tulisan Munshi Abdullah yang menyatakan:

*“Maka tiadalah tentu satu atau dua tempat orang mengajar mengaji melainkan dalam sepuluh dua belas rumah, seorang dua orang anak-anak mengaji al-Quran, bukannya bahasa Melayu, kerana demikianlah adat dalam negeri-negeri Melayu dalam dunia, maka tiadalah dia belajar bahasanya melainkan semuanya dari kecil ia mulai mengaji Quran juga”*⁵

Kenyataan ini membuktikan bahawa kegiatan pengajian al-Quran sangat aktif dijalankan pada zaman itu. Selain daripada pengajian di rumah, istana, surau dan masjid juga berperanan sebagai institusinya walaupun ia dijalankan secara tidak formal. Kegiatan pengajian sebegini tidaklah berbeza daripada pendidikan pada zaman Rasulullah (s.a.w) para sahabat dan tabi‘in. Struktur pendidikan dan kurikulum didapati hampir serupa dengan zaman silam yang lebih menekankan pembacaan, penulisan dan pengajian al-Quran di samping mempelajari asas-asas agama seperti *Ilmu Fiqh*, *Tauhid*, *Tasawwuf* dan Sejarah Islam.⁶ Pengajian al-Quran sistem pondok di Malaysia, terutama negeri Kelantan Darul Naim, negeri Terengganu Darul Iman serta negeri Kedah Darul Aman telah memainkan peranan yang penting dalam sistem pengajian al-Quran dan penyebaran ilmu-ilmu Islam di peringkat awal kepada ketiga-tiga kawasan berkenaan.⁷

KEPELBAGAIAN KAEDAH PENGAJIAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Di Malaysia terdapat banyak kaedah⁸ pengajian al-Quran yang telah diguna pakai oleh masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Namun tidak semua kaedah tersebut masih diamalkan secara menyeluruh oleh masyarakat hari ini. Sesuai dengan peredaran zaman, maka berbagai-bagai kaedah telah muncul dalam pengajaran al-Quran yang banyak menitik beratkan kecepatan dan kemahiran. Antara kaedah pengajian al-Quran yang wujud di Malaysia dan

² Hj. Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 130.

³ Huruf Jawi merupakan campuran huruf arab sebanyak 28 huruf dengan 5 huruf dari Parsi dan Barbar seperti ca (ڇ), nga ڻ), fa (ڏ), ga (ڻ), dan nya (ڻ).

⁴ *Ibid.*, 131.

⁵ *Ibid.*, 129.

⁶ *Ibid.*, 131.

⁷ Info Institusi pengajian Pondok, dikemaskini 14 Disember 2011, dicapai 25 Januari 2012, <http://www.epondok.com.my/kenalipondok/pondok2.html>.

⁸ ‘Kaedah’ membawa erti cara, aturan, sistem atau metode. Lihat Hajjah Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 75.

masih diamalkan oleh masyarakat adalah seperti *Talaqqi Mushafahah, Tasmi', Tadarus, Tikrar, Imla'i, Baghdadiah, Iqra', Qira'ati dan Hattawiyah*.⁹

PENGAJIAN AL-QURAN DI FELDA BUKIT GOH

Terdapat lapan kelas pengajian al-Quran di FELDA Bukit Goh, antaranya satu kelas al-Quran di masjid, lima kelas al-Quran di surau dan dua kelas al-Quran di rumah. Murid-murid yang terlibat dalam kelas pengajian al-Quran sebilangan besar datangnya daripada kalangan peneroka FELDA Bukit Goh dan segelintir sahaja daripada golongan profesional seperti pegawai dan kakitangan FELDA serta tenaga akademik seperti guru. Aktiviti kelas al-Quran di sini berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir masjid mahupun surau.¹⁰ Taburan kelas-kelas pengajian al-Quran di FELDA Bukit Goh adalah seperti dalam jadual di bawah:

KELAS AL-QURAN DI MASJID			
Hari	Aktiviti	Guru	Bil. Pelajar
Rabu	Al-Quran/ Tajwid	Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman	15-20 orang
KELAS AL-QURAN DI SURAU			
Isnin (Kawasan 1)	Al-Quran / Tajwid	Tuan Haji Kamarudin bin Haji Awang Ali	10-15 orang
Ahad (Lorong 9)	Al-Quran / Tajwid	Tuan Haji Yahaya bin Abdul Rahman	10-15 orang
Selasa (Lorong 10)	Al-Quran/ Tajwid	Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak	5-10 orang
Jumaat & Isnin (Kawasan 12)	Al-Quran / Tajwid	Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak	10-15 orang
		Ustazah Hajjah Aminah binti Mahmud	15-20 orang (Wanita)
Rabu (Peringkat 4)	Al-Quran/ Tajwid	Tuan Haji Kamarudin bin Awang Ali	10-15 orang
KELAS AL-QURAN DI RUMAH			
Sabtu(Lorong 9)	Tahsin Al- Quran	Hajah Habibah binti Deraman	5-10 orang
Jumaat (Kawasan 3, Lorong kubur)	Tahsin Al- Quran	Hajah Zaiton binti Ibrahim	5-10 orang

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA

⁹ Jamaluddin Ridhwan, *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an*. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997), 62.

¹⁰ Tuan Haji Mohd Amin bin Abdul Razak (Imam 1, Masjid al-Taqwa), dalam temubual dengan pengkaji, 5 Januari 2010.

Laporan penyelidikan dan analisis data menghuraikan dapatan kajian hasil pengumpulan data primer terhadap sampel responden yang mengikuti kelas pengajian al-Quran dari beberapa buah kelas pengajian al-Quran di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengkaji dan menyelidiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di kelas pengajian al-Quran.
- ii. Untuk mengkaji dan menyelidiki bentuk pelaksanaan kelas pengajian al-Quran yang dilalui oleh masyarakat FELDA.
- iii. Untuk mengenal pasti sejauh mana masyarakat FELDA menguasai al-Quran setelah mengikuti kelas al-Quran.

Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang dikategorikan sebagai masyarakat FELDA. Mereka terdiri daripada sebahagian besar golongan peneroka dan segelintir dari kakitangan awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kelas pengajian al-Quran di sekitar FELDA Bukit Goh.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dipaparkan melalui data-data soal selidik terhadap responden yang dijalankan sepanjang kajian ini. Set soalan kajian yang telah ditetapkan di awal kajian diedarkan dan dijawab oleh responden melalui analisis ini. Set soalan kajian dirangka dan dibina berdasarkan pembahagian berikut:

- a. Maklumat diri responden
- b. Persepsi responden terhadap keupayaan diri dalam menguasai al-Quran.
- c. Keberkesanan pembelajaran al-Quran (Persepsi responden terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru).
- d. Persepsi responden terhadap pelaksanaan kelas pengajian al-Quran.

Bahagian A: Demografi Responden

a. Jantina

Seramai 100 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik yang diedarkan. Berdasarkan jadual di bawah, responden lelaki mencatatkan bilangan yang lebih ramai iaitu 57 orang atau 57.0%, manakala responden selebihnya ialah perempuan iaitu seramai 43 orang atau 43.0%. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki lebih ramai berbanding responden lelaki.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
Valid Lelaki	57	57.0	57.0	57.0
Perempuan	43	43.0	43.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

b. Umur

Jadual di bawah menunjukkan majoriti responden terdiri dalam kalangan mereka yang berumur 41-59 tahun iaitu seramai 69 orang bersamaan 69.0%. Ini diikuti responden berusia 60 tahun ke atas seramai 20 orang bersamaan 20.0% dan kemudiannya responden dalam kumpulan umur 20-40 seramai 11 orang atau bersamaan 11.0%. Angka ini bukan sesuatu yang janggal memandangkan mereka dalam kumpulan umur 41-59 tahun merangkumi golongan peneroka dan peniaga merupakan majoriti yang hadir mengikuti kelas pengajian al-Quran.

Jadual 2: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kumpulan umur.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
Valid 20 hingga 40	11	11.0	11.0	11.0
41 hingga 59	69	69.0	69.0	80.0
60 tahun ke atas	20	20.0	20.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

c. Taraf Pendidikan

Jadual di bawah menunjukkan pendidikan responden sebahagian besarnya di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu seramai 45 orang bersamaan 45.0%. Kemudian diikuti responden yang berpendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 33 orang atau 33.0% disusuli yang mempunyai lain-lain kelulusan seramai 19 orang bersamaan 19.0%. Manakala responden yang berpendidikan taraf diploma pula seramai 3 orang atau bersamaan 3.0%.

Jadual 3: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan taraf pendidikan.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Diploma	3	3.0	3.0	3.0
SPM	33	33.0	33.0	36.0
SRP/PMR	45	45.0	45.0	81.0
Lain-lain kelulusan	19	19.0	19.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

d. Pekerjaan

Jadual di bawah memberi gambaran bahawa hampir separuh daripada responden terdiri daripada mereka yang mengusahakan ladang kelapa sawit atau digelar peneroka iaitu seramai 77 orang bersamaan 77.0%. Diikuti pula responden yang berniaga atau bekerja sendiri seramai 17 orang atau bersamaan 17.0%. Responden yang bekerja di sektor swasta dan sektor kerajaan mencatatkan jumlah yang sama dengan masing-masing 3 orang atau 3.0% kakitangan swasta dan 3 orang bersamaan 3.0% kakitangan kerajaan. Angka ini bukan sesuatu yang janggal memandangkan peneroka merupakan majoriti yang menghuni FELDA atau juga dikenali sebagai Tanah Rancangan.

Jadual 4: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan pekerjaan.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> kakitangan kerajaan	3	3.0	3.0	3.0
kakitangan swasta	3	3.0	3.0	6.0
berniaga/kerja sendiri	17	17.0	17.0	23.0
peneroka	77	77.0	77.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

e. Pendapatan

Jadual di bawah menunjukkan pendapatan responden yang tertinggi adalah pada kadar RM1001-RM2000 iaitu seramai 65 orang atau bersamaan 65.0% diikuti pula responden berpendapatan RM2001-RM3000 iaitu seramai 21 orang atau bersamaan 21.0%. Manakala yang berpendapatan RM1000 ke bawah merupakan responden yang paling kecil jumlahnya iaitu 14 orang atau bersamaan 14.0%.

Jadual 5: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan pendapatan.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> RM 1000 ke bawah	14	14.0	14.0	14.0
RM 1001 hingga RM 2000	65	65.0	65.0	79.0
RM 2001 hingga RM 3000	21	21.0	21.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Bahagian B: Persepsi Responden Terhadap Keupayaan Diri Menguasai Al-Quran

Soalan 1: Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam mengenal huruf *hijaiyah*, membaca kalimah al-Quran, mengenal tanda-tanda dalam al-Quran dan mengenal bahagian *Waqt*.

Jadual 6: Statistik deskriptif bagi sub-bahagian ‘Mengenal Huruf *Hijaiyah*, Membaca Kalimah Al-Quran’, ‘Mengenal Tanda-Tanda dalam Al-Quran’ dan ‘Mengenal Bahagian *Waqt*.’

Bil.	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
1	Keupayaan saya mengenal huruf <i>hijaiyah</i>	0 0.0%	4 4.0%	30 30.0%	31 31.0%	35 35.0%	4.14	0.99
2	Keupayaan saya menyebut kalimah al-Quran	0 0.0%	3 3.0%	27 27.0%	55 55.0%	15 15.0%	4.12	0.65
3	Keupayaan saya mengenal tanda-tanda dalam al-Quran	0 0.0%	7 7.0%	37 37.0%	49 49.0%	7 7.0%	4.02	0.74
4	Keupayaan saya mengenal bahagian <i>Waqt</i> dalam al-Quran	0 0.0%	15 15.0%	50 50.0%	30 30.0%	5 5.0%	3.48	0.53

n = 100

Jadual di atas memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran melalui sub-topik, keupayaan mengenal huruf *hijaiyah*, keupayaan menyebut kalimah al-Quran, keupayaan mengenal tanda-tanda dalam al-Quran dan keupayaan mengenal bahagian *waqaf* dalam al-Quran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi ialah pada item ‘Keupayaan Mengenal Huruf *Hijaiyah*’ iaitu seramai 35 responden bersamaan 4.0% berada pada tahap sangat baik dan 4 responden bersamaan 4.0% pada tahap lemah telah menghasilkan min 4.14. Pada item ‘Keupayaan Menyebut Kalimah Al-Quran’ seramai 55 orang bersamaan 55.0% berada pada tahap baik manakala 3 orang responden pada tahap lemah telah mencatatkan min 4.12. Manakala item ‘Keupayaan Mengenal Tanda-Tanda dalam Al-Quran’ seramai 49 responden bersamaan 49.0% pada tahap baik manakala terdapat 7 orang responden berada pada tahap lemah dan mencatatkan min 4.02. Ketiga-tiga item diinterpretasikan sebagai tinggi. Item ‘Keupayaan Mengenal Bahagian *Waqt* Dalam Al-Quran’ mencatatkan min terendah iaitu 3.48 dan diinterpretasikan sebagai sederhana di mana terdapat seramai 50 responden bersamaan 50.0% berada pada tahap sederhana dan 15 bersamaan 15.0% responden pada tahap lemah.

Soalan 2: Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dari sudut pengetahuan ilmu tajwid, penguasaan dalam hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin* dan kelancaran membaca al-Quran.

Jadual 7: Statistik deskriptif bagi sub-bahagian ‘Pengetahuan Ilmu Tajwid, Penguasaan Dalam Hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin* dan Kelancaran Membaca Al-Quran’.

Bil.	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
1	Pengetahuan saya tentang Ilmu Tajwid	0 0.0%	6 6.0%	41 41.0%	51 51.0%	2 2.0%	3.78	0.91
2	Penguasaan saya dalam hukum <i>Nun Sakinah</i> dan <i>Tanwin</i>	0 0.0%	4 4.0%	38 38.0%	49 49.0%	9 9.0%	3.98	0.75
3	Kelancaran saya dalam membaca al-Quran	0 0.0%	5 5.0%	41 41.0%	46 46.0%	8 7.0%	3.71	0.68

n = 100

Jadual di atas memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran melalui sub-topik seperti di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi ialah pada item ‘Penguasaan saya dalam hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin* di mana seramai 49 orang responden bersamaan 49.0% berada pada tahap baik manakala paling rendah ialah seramai 4 orang bersamaan 4.0 % berada pada tahap lemah dan item ini mencatatkan min 3.98. Sementara item ‘Pengetahuan saya tentang Ilmu Tajwid’ mencatatkan jumlah min kedua tertinggi iaitu 3.78 di mana seramai 51 orang bersamaan 51.0% berada pada tahap baik manakala seramai 6 responden berada pada tahap lemah. Manakala bagi item ‘Kelancaran saya dalam membaca al-Quran’ pula jumlah yang paling tinggi berada pada tahap baik iaitu seramai 46 responden bersamaan 46.0% dan seramai 5 responden bersamaan 5.0% berada pada tahap lemah. Item ini mencatatkan min terendah iaitu 3.71 namun, walau bagaimanapun ketiga-tiga item ini diinterpretasikan sebagai aras tinggi.

Bahagian C: Persepsi Responden Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Digunakan Oleh Guru.

Jadual 8: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru menggunakan pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan mudah difahami.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> tidak pasti	20	20.0	20.0	20.0
setuju	61	61.0	61.0	81.0
sangat setuju	19	19.0	19.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual di atas seramai 61 bersamaan 61.0% responden memberikan jawapan positif iaitu setuju dan seramai 20 bersamaan 20.0% responden memilih jawapan tidak pasti. Seramai 19 bersamaan 19.0% responden memberikan jawapan sangat setuju. Manakala tiada responden yang menandakan pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan lebih ramai responden memberikan jawapan positif berbanding negatif dan min yang diperoleh ialah 3.98 iaitu dalam lingkungan tinggi. Dapat disimpulkan bahawa pelajar berpuas hati dengan pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang dilihat menarik dan mudah difahami.

Jadual 9: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru membuat persediaan yang cukup.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> tidak pasti	4	4.0	4.0	4.0
setuju	60	60.0	60.0	64.0
sangat setuju	36	36.0	36.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 60 bersamaan 60.0% responden memberikan jawapan positif iaitu setuju dan seramai 36 bersamaan 36.0% responden lagi memberikan jawapan sangat setuju. Ini bermaksud, kira-kira 96% responden ini berpuas hati dengan persediaan guru yang cukup sebelum dan semasa kelas berjalan. Seramai 4 bersamaan 4.0% responden lagi memberikan jawapan tidak pasti manakala tiada responden yang menandakan pada jawapan sangat tidak setuju dan tidak setuju. Berdasarkan statistik ini, lebih ramai responden memberikan jawapan positif berbanding responden yang memberikan jawapan negatif.

Jadual 10: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru memberi tumpuan penuh sepanjang pengajaran.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>				
tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak pasti	5	5.0	5.0	6.0
setuju	52	52.0	52.0	58.0
sangat setuju	42	42.0	42.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual di atas seramai 52 bersamaan 52.0% responden memberikan jawapan setuju dan seramai 42 bersamaan 42.0% responden memilih jawapan sangat setuju dan kedua-duanya merupakan jawapan positif yang berskala besar. Manakala hanya 5 bersamaan 5.0% responden memberikan jawapan tidak pasti dan hanya 1 bersamaan 1.0% responden sahaja yang menjawab tidak setuju serta tiada responden yang menjawab sangat tidak setuju. Ini bermakna lebih ramai responden memberikan jawapan positif berbanding responden yang memberikan jawapan negatif.

Jadual 11: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dengan pelajar.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>				
tidak pasti	5	5.0	5.0	5.0
setuju	50	50.0	50.0	55.0
sangat setuju	45	45.0	45.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual di atas menunjukkan responden yang menjawab tidak pasti ialah seramai 5 orang bersamaan 5.0% diikuti pula yang menjawab setuju iaitu seramai 50 orang bersamaan 50.0%. Kemudian seramai 45 orang responden bersamaan 45.0% menjawab sangat setuju. Manakala tiada responden menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Jadual 12: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan guru mengajar al-Quran menggunakan pendekatan *Talaqqi Mushafahah* agar setiap kesalahan dapat diperbetulkan.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> sangat tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak setuju	1	1.0	1.0	2.0
tidak pasti	10	10.0	10.0	12.0
setuju	47	47.0	47.0	59.0
sangat setuju	41	41.0	41.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual di atas, statistik menunjukkan bahawa seramai 47 bersamaan 47.0% responden memberikan jawapan positif iaitu setuju, diikuti 41 bersamaan 41.0% responden memberikan jawapan sangat setuju. Kemudian seramai 10 bersamaan 10.0% responden memberikan jawapan tidak pasti. Manakala hanya seorang bersamaan 1.0% responden memberikan jawapan tidak setuju diikuti seorang bersamaan 1.0% responden menjawab sangat tidak setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden memberikan jawapan yang positif adalah lebih ramai berbanding responden yang memberikan jawapan yang negatif. Ertinya, kaedah *Talaqqi Mushafahah* memainkan peranan yang penting dalam mempelajari ilmu al-Quran khususnya tilawah, agar setiap kesalahan sama ada tajwid, makhraj dan sifat huruf dapat diperhalusi dan diperbetulkan oleh guru secepat mungkin.

Bahagian D: Persepsi Responden Terhadap Pelaksanaan Kelas Pengajian Al-Quran

Jadual 13: Taburan kekerapan dan peratus terhadap persepsi responden berdasarkan penggunaan kitab tajwid bahasa Melayu yang relevan agar lebih difahami.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> tidak pasti	12	12.0	12.0	12.0
setuju	49	49.0	49.0	61.0
sangat setuju	39	39.0	39.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Berdasarkan jadual di atas, seramai 12 responden bersamaan 12.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala seramai 49 responden bersamaan 49.0% telah memberikan jawapan setuju dan diikuti seramai 39 responden bersamaan 39.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini didapati bahawa responden masih lagi memberikan persepsi yang positif berbanding persepsi negatif berdasarkan item di atas. Jelas di sini bahawa penggunaan kitab tajwid berbahasa Melayu amat sesuai dengan responden yang mempunyai latar belakang dan tahap pemikiran yang berbeza.

Jadual 14: Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden berdasarkan pengajaran bermula daripada peringkat asas sehingga peringkat tertinggi bagi memudahkan peserta mengikutinya.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>				
tidak pasti	4	4.0	4.0	4.0
setuju	44	44.0	44.0	48.0
sangat setuju	52	52.0	52.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual di atas, menunjukkan bahawa seramai 52 responden bersamaan 52.0% telah memberikan jawapan positif iaitu sangat setuju. Kemudian seramai 44 responden bersamaan 44.0% telah memberikan jawapan setuju dan diikuti seramai 4 responden bersamaan 4.0% telah memberikan jawapan tidak pasti. Manakala tiada responden yang menjawab pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran dan tajwid hendaklah bermula daripada peringkat asas sehingga peringkat tertinggi bagi memudahkan para responden memahami ilmu yang dipelajari secara berperingkat-peringkat.

Jadual 15: Taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap ujian lisan dan bertulis dilaksanakan di akhir pengajaran al-Quran.

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>				
sangat tidak setuju	1	1.0	1.0	1.0
tidak setuju	5	5.0	5.0	6.0
tidak pasti	13	13.0	13.0	19.0
setuju	57	57.0	57.0	76.0
sangat setuju	24	24.0	24.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Jadual di atas menunjukkan jumlah responden yang menjawab setuju adalah paling tinggi peratusan iaitu seramai 57 responden bersamaan 57.0%, diikuti pula seramai 24 responden bersamaan 24.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Manakala seramai 13 responden bersamaan 13.0% telah memberikan jawapan tidak pasti dan seramai 5 responden atau 5.0% telah memberikan jawapan tidak setuju. Kemudian hanya seorang responden atau 1.0% telah memberikan jawapan sangat setuju. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa perlu dilaksanakan ujian lisan dan ujian penulisan di akhir pengajaran al-Quran bagi mengukur tahap keupayaan seseorang pelajar dalam menguasai ilmu al-Quran.

ANALISIS KORELASI

i. Analisis Korelasi Antara Kekerapan Membaca Al-Quran Dengan Tahap Keupayaan Diri Dalam Menguasai Al-Quran.

Jadual analisis hubungan antara kekerapan responden membaca al-Quran dengan kelancaran responden membaca al-Quran.

Correlations

		Kekerapan membaca al-Quran	Kelancaran membaca al-Quran
Kekerapan membaca al-Quran	Pearson Correlation	1	-.404**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	100	100
Kelancaran membaca al-Quran	Pearson Correlation	-.404**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	100	100

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual di atas menunjukkan nilai pekali korelasi 0.000 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan membaca al-Quran dengan kelancaran membaca al-Quran. Ertinya, hubung kait antara kekerapan membaca al-Quran di Bahagian A dengan kelancaran membaca al-Quran di Bahagian B telah memberikan petunjuk bahawa, responden yang kerakali membaca al-Quran akan meningkatkan kemahiran dan kelancaran mereka dalam pembacaan al-Quran.

ii. Analisis Korelasi Antara Pengetahuan Ilmu Tajwid Dengan Tahap Keupayaan Membaca Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid.

Jadual analisis hubungan antara pengetahuan responden tentang ilmu tajwid dengan keupayaan responden membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul.

Correlations

		Pengetahuan tentang Ilmu Tajwid	Keupayaan membaca al-Quran mengikut hukum Tajwid yang betul
Pengetahuan tentang Ilmu Tajwid	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	1 .000 100	.372** 100
Keupayaan membaca al-Quran mengikut hukum Tajwid yang betul	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	.372** .000 100	1 100

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual di atas menunjukkan nilai pekali korelasi 0.000 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan tentang ilmu tajwid dengan keupayaan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul di bahagian B. Ertinya, hubung kait di antara kedua-dua item ini telah memberikan petunjuk bahawa, responden yang mempunyai pengetahuan dalam ilmu tajwid akan berupaya membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul.

RUMUSAN HASIL KAJIAN

Kajian yang telah menggunakan 100 orang responden dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh ini mendapati tenaga pengajar kelas al-Quran perlu mempunyai beberapa kriteria yang penting, baik daripada segi kemahiran komunikasi, latar belakang pendidikan dan personaliti diri supaya pendekatan kaedah pengajaran yang disampaikan kepada masyarakat FELDA di sini lebih berkesan. Tenaga pengajar yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah tenaga pengajar yang mempunyai komunikasi dua hala yang berkesan, dapat mewujudkan sesi pengajaran secara berkumpulan, bertimbang rasa, sabar, memberi galakan, menggunakan Alat Bantuan Mengajar (ABM) yang mencukupi, menggunakan kitab tajwid yang berautoriti dan mudah difahami oleh masyarakat FELDA sebagai rujukan dalam proses PdP mereka.

Di samping beberapa pendekatan kaedah pengajaran yang relevan dan bersesuaian dengan latar belakang, budaya dan sosio-ekonomi masyarakat FELDA Bukit Goh, kajian ini juga membuktikan kepada pengkaji bahawa kaedah *Talaqqi Mushafahah* yang berkait terus dengan amalan pembacaan al-Quran yang diajar oleh tenaga pengajar di sini perlu diterus dan dipertingkatkan mutu pengajiannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dimanfaatkan dengan lebih efisien.

Kajian berdasarkan bentuk pelaksanaan kelas al-Quran yang dilalui oleh masyarakat FELDA Bukit Goh juga menunjukkan bahawa perkara utama dititikberatkan oleh peserta ialah kesesuaian tempat pengajian yang mestilah berdekatan dengan kediaman mereka serta dalam keadaan yang sempurna dan kondusif. Pengurusan masa pengajian juga memainkan peranan dalam menentukan kehadiran peserta kelas al-Quran kerana sebilangan besar dari peserta kelas

al-Quran ini merupakan pengusaha ladang kelapa sawit yang semestinya jadual kerjanya tidak menentu dan mengira masa.

PENUTUP

Mutu pencapaian dan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh berada pada tahap baik. Manakala mutu pencapaian dan kefahaman mengenai hukum-hukum tajwid juga berada pada tahap baik. Ini menunjukkan kepada kita bahawa, masyarakat FELDA Bukit Goh telah mempunyai asas dalam ilmu al-Quran baik daripada segi bacaan al-Quran mahupun ilmu tajwid. Justeru, perlu ada kerjasama daripada pihak yang berkaitan seperti persatuan penduduk dan pengurusan FELDA dalam usaha-usaha memberi bimbingan dan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara berterusan agar mereka lebih berkemahiran dalam ilmu al-Quran dan seterusnya dapat mengetahui serta mengamalkan isi kandungan al-Quran di dalam kehidupan seharian.

Kajian ini hanya tertumpu di kelas-kelas al-Quran yang terdapat di FELDA Bukit Goh sahaja. Oleh itu, ia boleh diperluaskan kepada kelas-kelas al-Quran di penempatan FELDA lain yang terdapat di bandar Kuantan atau di daerah-daerah lain yang terdapat di negeri Pahang Darul Makmur yang diketahui turut menghadapi banyak masalah dalam mengikuti kelas pengajian al-Quran. Permasalahan yang timbul boleh diatasi dan ini tidak memberi kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan agar kelas ini dapat berjalan dengan baik, lebih menarik minat masyarakat FELDA serta mampu melahirkan insan yang sempurna selari dengan kehendak al-Quran dan al-Hadith.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abu Mardhiyah, *Tajwid al-Quran Qira'at 'Asim- Riwayat Hafs- Toriq al-Syatibiy*. Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise, 2007.
- Abdullah Ishak, *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Selangor: al-Rahmaniah (Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia), 1989.
- Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MAIP), *Sejarah Ringkas Masjid-Masjid Negeri Pahang*. Pahang: Al-Wahidah Kreatif Sdn. Bhd, 2000.
- Zakaria Awang Soh, *Kecanggihan Alam Semesta*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.
- Halim Na'am, *Pelaksanaan J-QAF. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-4*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Tuan Haji Khamis Mat Som, *Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok)1960 & Pembangunan Masyarakat FELDA* (Kertas kerja di Seminar Pentadbiran dan Perundungan Tanah untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia, 2003.

Jamaluddin Ridhwan, *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997.

Info Institusi pengajian Pondok, dikemas kini 14 Disember 2011, dicapai 25 Januari 2012,
<http://www.epondok.com.my/kenalipondok/pondok2.html>.

Kursus Talaqqi al-Quran, dikemas kini 18 Mac 2010, dicapai 15 Januari 2011,
<http://www.usim.edu.my>